



## Mangsa banjir di Johor meningkat ke 28,099 ketika cuaca diramal buruk hingga Sabtu

Oleh Izz Laily Hussein - Mac 2, 2023 @ 5:09pm  
bhnews@bh.com.my

JOHOR BAHRU: Jumlah mangsa banjir di Johor kini mencecah 28,099 orang terdiri daripada 7,805 keluarga yang ditempatkan di 197 pusat pemindahan sementara (PPS).

Pada masa sama, laporan terkini dikeluarkan Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) pula meletakkan amaran hujan lebat berterusan tahap buruk atau jingga bagi enam daerah di negeri ini yang mana hujan lebat berterusan dijangka berlaku sehingga Sabtu ini.

Manakala, empat daerah lain dijangka menerima hujan berterusan sehingga Sabtu dengan amaran tahap waspada atau kuning.

Amaran tahap buruk dikeluarkan bagi Segamat, Kluang, Mersing, Kulai, Kota Tinggi dan Johor Bahru, manakala tahap waspada dikeluarkan bagi Tangkak, Muar, Batu Pahat dan Pontian.

Angka setakat jam 4 petang itu terus menunjukkan peningkatan berbanding 26,633 orang terdiri daripada 7,311 keluarga, pada jam 12 tengah hari tadi.

Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Tan Sri Dr Azmi Rohani berkata, sebanyak 15 PPS baharu dibuka di seluruh negeri, bagaimanapun terdapat 11 PPS yang dibuka bermula semalam sudah ditutup.

"Segamat masih mencatatkan jumlah mangsa banjir yang paling ramai iaitu seramai 9,818 orang daripada 2,758 keluarga, dan itu memaksa enam lagi PPS dibuka di daerah itu menjadikan kini sebanyak 66 PPS beroperasi di Segamat.

"Kluang yang juga daerah kedua terjejas turut mencatatkan peningkatan jumlah mangsa banjir iaitu seramai 5,547 penduduk daripada 1,574 keluarga, walaupun satu daripada 39 PPS sudah ditutup.

"Batu Pahat juga merekodkan penambahan mangsa kepada 3,761 orang daripada 1,021 keluarga di 23 PPS," katanya dalam kenyataan hari ini.

Azmi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) berkata, Kota Tinggi pula mencatatkan penurunan jumlah mangsa kepada 2,868 orang daripada 757 keluarga dan 18 PPS masih kekal beroperasi di daerah itu.

Katanya, seramai 2,259 mangsa daripada 621 keluarga pula kini ditempatkan di 13 PPS di Muar dan Johor Bahru pula mencatatkan penurunan yang agak banyak dan kini tinggal 1,319 mangsa daripada 402 keluarga yang masih berada di lapang PPS.

"Seramai 1,013 mangsa banjir di Tangkak yang terdiri daripada 271 keluarga kini ditempatkan di 15 PPS, manakala 719 mangsa daripada 179 keluarga pula dipindahkan ke lima PPS di Kulai.

"Mersing turut terjejas pada banjir kali ini apabila seramai 538 mangsa daripada 160 keluarga dipindahkan ke enam PPS di daerah itu dan jumlah mangsa banjir di Pontian masih kekal 257 orang daripada 60 keluarga yang dipindahkan ke lima PPS," katanya.

"Laporan cuaca setakat jam 4 petang juga mendapati semua daerah di Johor mengalami hujan kecuali Muar dan Tangkak yang cerah," jelasnya.

Pada masa sama, Azmi berkata, 18 sungai utama yang mana lima di Segamat, tiga di Batu Pahat, masing-masing dua di Tangkak dan Kluang, serta masing-masing satu di Muar, Kota Tinggi dan Mersing, berada pada paras bahaya.

Selain itu, katanya, terdapat 46 jalan yang masih ditutup membabitkan daerah Kluang, Segamat, Mersing, Kulai, Kota Tinggi, Batu Pahat dan Johor Bahru.

"Ada laluan yang terpaksa ditutup sepenuhnya dan ada juga yang dibuka hanya untuk kenderaan ringan atau hanya untuk kenderaan berat, bergantung kepada paras air atau tahap terjejasnya sesuatu jalan sama ada kerana banjir, tanah runtuh atau cerun runtuh," katanya.